

31.12.2024
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PBAPP LANJUTKAN “AIDAP” KE 2025 BAGI MENGELAK KEKURANGAN AIR

- **Pelepasan dari Empangan Air Itam akan dihadkan kepada 22 JLH.**
- **PBAPP akan terus mengepam sehingga 33 JLH air terawat dari Seberang Perai ke kawasan bekalan Air Itam di bahagian pulau, Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Selasa, 31.12.2024: PBAPP akan terus melaksanakan Pelan Tindakan Empangan Air Itam (AIDAP) pada 2025 untuk mengelakkan kekurangan air di perbandaran Air Itam serta kawasan Farlim dan kawasan sekitarnya.

Rasional utama untuk AIDAP 2025 adalah seperti berikut:

- Empangan Air Itam telah memulakan operasi 61 tahun lalu, pada tahun 1963. Kapasiti simpanan maksimumnya ialah 2,159 juta liter (ML), berbanding dengan kapasiti simpanan maksimum Empangan Teluk Bahang (18,240 ML) dan Empangan Mengkuang Diperluas (86,400 ML) . Ia bukan empangan besar.
- Kapasiti efektif Empangan Air Itam ialah 76.7% pada 30.12.2024. Tanpa hujan dan/atau intervensi kejuruteraan bekalan air, rizab Empangan Air Itam mungkin akan habis dengan cepat pada tahun 2025.
- Walaupun laporan cuaca antarabangsa tidak meramalkan satu lagi fenomena El Niño panas dan kering pada tahun 2025, adalah lebih baik untuk “bertindak secara berhati-hati” untuk mengelakkan kekurangan air.

Sehubungan itu, PBAPP akan terus melaksanakan 3 protokol utama AIDAP berikut untuk memberikan ketenangan fikiran kepada pengguna air di kawasan perkhidmatan Empangan Air Itam:

1. Mengehendkan pelepasan dari Empangan Air Itam sebanyak 22 JLH;
2. Mengepam sehingga 33 JLH air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai ke kawasan perkhidmatan Empangan Air Itam; dan
3. Mengoptimumkan pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam berdasarkan terutamanya kepada ketersediaan air mentah daripada 2 sumber air lain (muka sauk Utama dan muka sauk Tat);

Pada 2024, kejayaan pelaksanaan protokol ini memastikan tiada isu bekalan air utama di Air Itam dan Farlim berkaitan fenomena El Niño panas dan kering yang berpanjangan.

Sokongan pengguna air

Empangan Air Itam hanya boleh diisi semula oleh hujan di kawasan tadahan air (KTA). Hujan di KTA Empangan Air Itam pada tahun 2025 adalah di luar kawalan PBAPP atau sesiapa sahaja.

Bagaimanapun, penggunaan air harian adalah dalam kawalan 28,948 pengguna air berdaftar di kawasan perkhidmatan Empangan Air Itam.

Pada tahun 2023, penggunaan air domestik per kapita di Pulau Pinang ialah 284 liter/kapita/hari (LKH). Pada 2022, purata kebangsaan ialah 237 LKH, atau kurang 16.5%. Sementara itu, Singapura telah melaporkan angka 141 LKH untuk 2023.

Purata kebangsaan Malaysia dan data Singapura menunjukkan bahawa, secara purata, rakyat Pulau Pinang menggunakan terlalu banyak air di rumah.

Penggunaan domestik per kapita yang tinggi mempunyai kesan. Salah satu kesannya ialah risiko krisis air yang lebih tinggi apabila pengguna air menggunakan lebih banyak air daripada yang mungkin dibekalkan oleh empangan semasa musim kemarau. Kesan lain ialah kos tinggi untuk infrastruktur bekalan air tambahan yang pasti akan dibayar oleh pengguna air melalui kadar air yang jauh lebih tinggi.

Adalah lebih selamat dan lebih rasional untuk pengguna air Pulau Pinang menggunakan air dengan bijak pada tahun 2025. Sila layari www.pba.com.my untuk petua penjimatan air.

Empangan Teluk Bahang

Sebagai persediaan menjelang tahun 2025, senario di kawasan perkhidmatan Empangan Teluk Bahang (Teluk Bahang, Batu Ferringhi, Tanjong Bungah, Tanjong Tokong dan kawasan sekitarnya) juga kurang memberangsangkan.

Kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang ialah 61.7% pada 30.12.2024.

Namun begitu, Empangan Teluk Bahang adalah empangan yang lebih besar. Dari segi jumlah sebenar, kapasiti efektifnya ialah 18,240 ML, atau 844.8% lebih daripada 2,159 ML Empangan Air Itam.

Malangnya, walaupun PBAPP mungkin melaksanakan AIDAP untuk menyokong Empangan Air Itam, kami mungkin tidak mengepam air terawat dari Seberang Perai ke kawasan perkhidmatan Empangan Teluk Bahang.



Jadi, sila fikirkan tentang penggunaan air pada tahun baru yang akan datang.

PBAPP akan berusaha melakukan yang terbaik untuk memberi perkhidmatan di Pulau Pinang pada tahun 2025. Kami akan dapat melaksanakan tugas kami dengan lebih baik dengan sokongan dan kerjasama yang baik daripada masyarakat Pulau Pinang yang menggunakan air dengan berhemat agar sumber air yang ada dapat dikongsi secara mampan.

Bagi pihak PBAPP, saya mengucapkan selamat tahun baru kepada semua pelanggan kami.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my